



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 16/2024

TVET GIG PERKASA BELIA LONJAK KEBOLEHPASARAN GRADUAN TVET

1. YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Program Kerjasama Strategik TVET dan Ekonomi GIG di Menara KBS, Putrajaya hari ini. Turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan (KBS), YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu.
2. Inisiatif ini bertujuan untuk memperkasakan belia dan meningkatkan kebolehpasaran pelajar Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menerusi MoU kerjasama strategik bersama pihak industri. Melalui MoU ini, Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) mampu melengkapkan pelajar dan belia dengan kemahiran yang diperlukan untuk berjaya dalam bidang TVET dan ekonomi gig yang dinamik merangkumi lapan (8) bidang kemahiran utama yang difokuskan iaitu Teknologi Sukan, Fesyen dan Pakaian, Automotif, Hospitaliti, Fotografi dan Teknologi Maklumat, Kosmetologi, Elektrikal dan Mekanikal melalui latihan jangka pendek khusus seperti *Skills for Life* dan kursus modular (pensijilan *micro-credential*).
3. Lima (5) Rakan Strategik yang terlibat dengan kerjasama ini adalah:
 - (i) Syarikat RF Infinite Sdn. Bhd., melalui platform digital Pcari.my yang menawarkan perkhidmatan pekerjaan, jualan dan aktiviti sosial, merangkumi inovasi dan kebolehsuaian dalam era digital;

- (ii) Troopers Innovation Sdn. Bhd., melalui platform digital TROOPERS, yang menawarkan khidmat padanan kerja dan penyesuaian bakat;
 - (iii) Delivery Hero Malaysia Sdn. Bhd., melalui platform digital Foodpanda Malaysia yang menawarkan platform untuk perkhidmatan makanan dan minuman serta barangan runcit;
 - (iv) CARSOME Academy Sdn. Bhd. sebuah anak syarikat CARSOME, melalui platform digital carsomeacademy.my merupakan sebuah institut teknikal automotif yang menawarkan latihan berorientasikan industri dengan menggabungkan latihan di institusi dan di tempat kerja; dan
 - (v) Bateriku (M) Sdn. Bhd. melalui platform digital Bateriku.com merupakan antara platform digital utama untuk perkhidmatan sokongan kenderaan dengan kepakaran dalam memastikan kelancaran fungsi kenderaan.
4. Dianggarkan seramai 2,000 orang pelajar ILKBS dan 3,000 orang belia massa akan menerima manfaat yang melibatkan kerjasama daripada lima (5) rakan strategik ini.
5. Seiring hasrat Kerajaan yang menyasarkan peningkatan 35% tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam sektor ekonomi menjelang 2030, KBS terus komited menambah baik dan menawarkan kursus-kursus berkualiti seiring perubahan teknologi terkini untuk memastikan golongan belia lebih berdaya saing, relevan dan menepati keperluan industri. Usaha ini sejajar dengan Dasar Belia Malaysia (DBM) dan Model Pembangunan Belia Madani 2030 (MPBM2030).

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

23 April 2024